

Sime Darby Property Lapor Keputusan Kukuh bagi Suku Pertama Tahun Kewangan 2025

Prestasi didorong oleh kepelbagaian produk, margin yang lebih baik dan jualan belum dibilkan yang lebih tinggi

- Prestasi kewangan keseluruhan pada Q1 TK2025 kekal kukuh selepas pencapaian rekod dalam TK2024;
- Syarikat mencatatkan pendapatan, keuntungan operasi ("OP"), dan keuntungan sebelum cukai ("PBT") masing-masing sebanyak RM871.6 juta, RM189.1 juta, dan RM179.6 juta;
- Margin OP dan PBT meningkat kepada 22% dan 21%, masing-masing, disokong oleh kepelbagaian produk dan usaha pengurusan kos yang aktif;
- Momentum jualan berterusan sebanyak RM927.5 juta, mewakili 26% daripada sasaran jualan TK2025 Syarikat;
- Jualan belum dibil mencecah RM3.8 bilion, paras tertinggi sejak 2017;
- Syarikat kekal kukuh dari segi modal dengan nisbah hutang bersih pada 27.9% dan baki tunai sebanyak RM714.4 juta, menyediakan fleksibiliti kewangan untuk menyokong pertumbuhan.

ARA DAMANSARA, 28 MEI 2025 – Sime Darby Property Berhad ("Sime Darby Property" atau "Syarikat") melaporkan prestasi yang kukuh bagi suku pertama tahun kewangan 2025 ("Q1 TK2025"), mengekalkan kekuatan operasi dan pelaksanaan konsisten selepas prestasi cemerlang dalam TK2024. Keputusan ini disokong oleh momentum jualan yang berterusan, kepelbagaian produk, serta tumpuan berterusan terhadap pengurusan kos. Bagi tempoh suku pertama berakhir 31 Mac 2025 ("Q1 TK2025"), Syarikat mencatatkan pendapatan sebanyak RM871.6 juta, keuntungan operasi ("OP") sebanyak RM189.1 juta, keuntungan sebelum cukai ("PBT") sebanyak RM179.6 juta, dan keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti ("PATAMI") sebanyak RM118.4 juta.

Margin keuntungan kasar meningkat kepada 32.5% (+1.5% tahun ke tahun atau "YoY"), melebihi unjuran panduan antara 20% hingga 25%, disokong oleh pengurusan kos yang berdisiplin dan sumbangan daripada gabungan produk yang seimbang, terutamanya produk perindustrian, kediaman bertanah, dan komersial yang memberikan margin lebih tinggi. PBT kekal stabil pada RM179.6 juta, manakala margin PBT meningkat kepada 20.6% (+2.1% YoY), didorong oleh pertumbuhan 61% YoY dalam segmen Pelaburan & Pengurusan Aset ("IAM"), khususnya subsegmen runcit.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Sime Darby Property, Dato' Seri Azmir Merican berkata, "TK2025 bermula dengan kukuh, meneruskan prestasi cemerlang yang dicapai tahun lepas. Keputusan suku ini didorong oleh penambahbaikan margin, momentum jualan yang memberangsangkan serta sumbangan yang semakin meningkat daripada segmen Pelaburan & Pengurusan Aset ("IAM") kami.

Pelancaran dan Jualan Q1 TK2025

Syarikat melancarkan jumlah Nilai Pembangunan Kasar (“GDV”) sebanyak RM656.5 juta pada Q1 TK2025, terdiri daripada 38% kediaman bertanah (RM252.1 juta), 32% perindustrian (RM209.5 juta), dan 30% komersial (RM194.9 juta). Pelancaran utama termasuk The Nine di Elmina West, projek kediaman bertanah yang merangkumi 192 unit rumah teres dua tingkat dengan GDV sebanyak RM167.0 juta yang mencatatkan kadar pengambilan 100%; dan Quadria di Bandar Bukit Raja, pejabat separa berkembar empat tingkat pertama dalam perbandaran tersebut dengan GDV sebanyak RM194.9 juta, yang mencatatkan kadar pengambilan 79% setakat 18 Mei 2025.

Syarikat mencatatkan jualan sebanyak RM927.5 juta pada Q1 TK2025, mencapai 26% daripada sasaran tahunan sebanyak RM3.6 bilion. Produk perindustrian menyumbang jualan tertinggi sebanyak RM461.5 juta (50%), diikuti oleh kediaman bertingkat tinggi RM246.3 juta (27%), kediaman bertanah RM127.9 juta (14%) dan produk komersial RM65.3 juta (7%). Pelancaran baharu menyumbang 61% (RM564.6 juta) daripada jumlah jualan, didorong oleh produk perindustrian daripada Elmina Business Park dan Serenia Industrial Park, serta disokong oleh pembangunan bertingkat tinggi seperti The Reya di Taman Melawati, Ophera di KLGCC Resort, dan Kanopi Residences di Bandar Elmina – mencerminkan permintaan yang tinggi terhadap produk terbaharu Syarikat. Tempahan keseluruhan setakat 18 Mei 2025 berjumlah RM1.6 bilion.

Perkembangan Korporat Utama

Bagi membuka nilai ekonomi dan mengembangkan jejak perindustriannya, Syarikat telah melancarkan Vision Business Park (“VBP”) sebagai pembangunan industri terbaharu di Malaysian Vision Valley 2.0, Negeri Sembilan, berlandaskan kejayaan pembangunan Hamilton Nilai City yang telah beroperasi sejak 2021. Dengan keluasan 760 ekar dan GDV diunjurkan sebanyak RM2.4 bilion, hab industri strategik ini dijangka menjadi pemangkin pertumbuhan utama bagi rantau tersebut, berpotensi menjana sehingga 15,000 peluang pekerjaan. Direka dengan mengambil kira aspek kelestarian, VBP merangkumi ruang hijau bersepadu dan elemen mesra alam dalam satu ekosistem industri yang bersambung dan menyeluruh.

Sepanjang suku tahun ini, Syarikat turut memeterai kerjasama strategik bersama Faldo Design Inc yang diketuai oleh Juara *Major* enam kali, Sir Nick Faldo, untuk mereka semula Padang Timur di Kuala Lumpur Golf & Country Club (“KLGCC”) bagi meningkatkan daya permainan dan pengalaman golf secara keseluruhan. Sebagai projek pertama Faldo di Malaysia, kerjasama ini mengukuhkan lagi kedudukan KLGCC sebagai destinasi golf utama bertaraf dunia.

Sementara itu, KLGCC Mall yang terletak bersebelahan dengan KLGCC, dijangka dibuka pada separuh kedua 2025. Sebagai aset runcit milik penuh ketiga Sime Darby Property, pusat beli-belah ini merangkumi keluasan boleh disewa bersih (*net lettable area* atau “NLA”) sekitar 240,000 kaki persegi dengan hampir 1,000 tempat letak kereta disediakan. Ia akan berfungsi sebagai pusat runcit berfokus kejurangan dalam kawasan keseluruhan KLGCC Resort. Direka untuk memenuhi keperluan harian penduduk sekitar dan golongan profesional yang bekerja berhampiran, pusat beli-belah ini akan menampilkan gabungan penyewa yang seimbang termasuk jenama terkenal dalam kategori barangan runcit, makanan dan minuman, serta hiburan keluarga. KLGCC Mall merupakan sebahagian daripada strategi jangka panjang

Syarikat untuk memperkasa '*placemaking*' melalui komponen runcit dan rekreasi bersepadu, sekali gus menyumbang kepada daya tarikan keseluruhan dan potensi pendapatan berulang bagi segmen IAM Syarikat.

Pencapaian Kewangan / Operasi Lain

Jualan belum dibil Syarikat meningkat ke paras tertinggi sejak 2017, sebanyak RM3.8 bilion, yang memberikan keterlihatan pendapatan yang jelas untuk tempoh tiga tahun akan datang. GDV belum terjual untuk inventori siap kekal rendah pada RM227.2 juta, manakala baki tunai kekal kukuh pada RM714.4 juta.

Nisbah hutang bersih Syarikat setakat 31 Mac 2025 kekal sihat pada 27.9%, mencerminkan kedudukan kukuh dari segi modal untuk menyokong pertumbuhan. Pada April 2025, terbitan sukuk bernilai RM800 juta di bawah program RM4.5 bilion Syarikat telah terlebih langgan sebanyak 6.7 kali, dengan kadar sebaran kredit paling ketat dicapai walaupun dalam keadaan pasaran yang tidak menentu. Ini merupakan bukti keyakinan pelabur terhadap strategi jangka panjang Sime Darby Property dan daya tahan kewangannya. Hasil terbitan sukuk akan digunakan bagi membiayai inisiatif pertumbuhan jangka panjang Syarikat, termasuk pengembangan portfolio pendapatan berulang dan Aset Di Bawah Pengurusan (*Asset Under Management* atau "AUM"), selaras dengan evolusi Syarikat ke arah menjadi syarikat hartanah sepenuhnya serta bagi keperluan modal kerja dan tujuan korporat am lain.

Sime Darby Property terus mengukuhkan momentumnya dalam TK2025, mengukuhkan kedudukannya sebagai peneraju dalam sektor pembangunan hartanah di Malaysia. Syarikat meraih Anugerah Platinum bagi kategori 'Pembangunan Hartanah' di Putra Brand Awards 2024 untuk tahun ketiga berturut-turut, mencerminkan kepercayaan berterusan pengguna terhadap jenama Sime Darby Property. Baru-baru ini, di StarProperty Awards 2025 – Edisi Pemaju Hartanah, Syarikat sekali lagi meraih tempat pertama, memenangi Anugerah All-Stars yang merupakan pengiktirafan tertinggi acara tersebut, juga buat tahun ketiga berturut-turut. Sime Darby Property turut menerima Anugerah Pilihan Pembaca bagi kategori *Newsmaker of the Year*, yang menandakan kehadiran kukuh dalam industri sepanjang tahun 2024. Sempena ulang tahun ke-10 penganjuran anugerah tersebut, City of Elmina dan Bandar Bukit Raja masing-masing telah diberi penghormatan dengan trofi khas, yang mengiktiraf kecemerlangan, inovasi dan penciptaan nilai berterusan oleh Syarikat di seluruh pembangunan hartanahnya.

Prospek untuk TK2025

Melihat ke hadapan, Syarikat memberi tumpuan untuk mengekalkan prestasi yang konsisten merentasi semua segmen perniagaan. "Dengan strategi SHIFT25 kini memasuki tahun terakhir pelaksanaannya, focus kami jelas terhadap pelaksanaan yang berdisiplin, membuka nilai dalam keseluruhan portfolio, dan mengukuhkan pendapatan berulang bagi menjana pertumbuhan mampan," kata Dato' Seri Azmir.

-TAMAT-

Mengenai Sime Darby Property Berhad

Dengan pengalaman lebih daripada 50 tahun, Sime Darby Property menerajui pembangunan komuniti terancang, menetapkan penanda aras bagi kualiti, inovasi dan kemampanan dalam projek-projek kediaman, bersepadu dan bertingkat tinggi di 25 perbandaran dan pembangunannya di seluruh Malaysia.

Di kala peralihan kepada sebuah syarikat hartanah menjelang 2025, Sime Darby Property memacu segmen perindustrian dan logistik di Elmina Business Park, Bandar Bukit Raja dan Bandar Hamilton Nilai. Sime Darby Property juga merupakan pemaju hartanah tersenarai awam pertama di Malaysia yang mewujudkan dana pembangunan dalam sektor perindustrian dan logistik untuk mendorong portfolio pendapatan berulangnya.

Syarikat telah berikrar untuk mencapai pelepasan karbon Sifar Bersih menjelang 2050 berpandukan sasaran berasaskan sains untuk mengehakdan kenaikan suhu global kepada 1.5°C. Sebuah organisasi yang menjuarai usaha-usaha pemeliharaan biodiversiti, Sime Darby Property merupakan konstituen MSCI ACWI Small Cap Index bertaraf MSCI ESG BBB, dan dinilai oleh Carbon Disclosure Project.

Sebagai sebahagian daripada konsortium Malaysia yang berjaya membangunkan semula Battersea Power Station yang ikonik di United Kingdom, Sime Darby Property juga memiliki Kuala Lumpur Golf & Country Club yang telah memenangi pelbagai anugerah serta menjadi tuan rumah kepada acara berprestij Maybank Championship yang diselai oleh LPGA.

Didorong oleh Matlamatnya untuk menjadi Pengganda Nilai kepada masyarakat, perniagaan, ekonomi, dan planet, Sime Darby Property melalui badan dermawannya, Yayasan Sime Darby, kekal aktif mencipta impak sosial yang positif untuk semua lapisan masyarakat.

Sime Darby Property telah diiktiraf sebagai pemaju hartanah nombor satu Malaysia di 'The Edge Malaysia's Top Property Developers Awards 2024', dengan pencapaian-pencapaian membanggakan lain, termasuk kemenangan Emas dan Perak di FIABCI World Prix d'Excellence Awards 2023 yang berprestij, tempat pertama untuk 'All-Stars' di StarProperty Awards 2025, anugerah 'Top of the Chart' dalam kategori permodalan pasaran RM1 bilion dan ke atas di Malaysia Developer Awards 2024, Anugerah 10 Pemaju Terbaik (Malaysia) di BCI Asia Awards 2024, kedudukan Platinum dalam kategori Pembangunan Hartanah di Putra Brand Awards 2024, dan Anugerah Pilihan Rakyat di PropertyGuru Asia Awards Malaysia 2024. Selain itu, Sime Darby Property tersenarai dalam senarai Fortune Southeast Asia 500, sebagai salah satu daripada hanya 89 syarikat Malaysia yang ditampilkan dalam senarai sulung tersebut.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.simedarbyproperty.com

Kontak Media: Natalie Rose Ariffin | +6012-297 1820 | natalie.ariffin@simedarbyproperty.com

Alia Mior Azhar | +6010-433 4268 | alia.miorazhar@simedarbyproperty.com

Untuk pertanyaan lanjut, sila e-mel: group.communications@simedarbyproperty.com